

## The Aesthetics World of Malay Sarawak Love Pantun: A Perspective From Malay Literary Poetics

Sara Beden\*

[sara.beden@jpgm.edu.my](mailto:sara.beden@jpgm.edu.my)\*

### Abstract

*Pantun is a cultural heritage of the Malay community that serves as a medium to reflect the richness of the Malay language and aesthetics. However, the rapid advancement of technology today has led to the apparent neglect of the traditional rules of pantun composition, as its aesthetic aspects receive less attention, with more emphasis placed on the intended meaning of the creator. Therefore, this study aims to identify, categorize, and analyze the elements of beauty or poeticism in pantun using the Malay Literary Poetics Theory proposed by Muhammad Hj. Salleh (2000). This research applies a qualitative approach, focusing on textual analysis of pantun as the study data. Ten stanzas of pantun kasih (love pantun) from Sarawak, taken from the Pantun Melayu Sarawak book, are used as the data for analysis. The findings reveal that pantun kasih of Sarawak adheres to the aesthetic or poetic principles outlined in the Malay Literary Poetics Theory. The principles of "compressing the vast world," "allusion and suggestion," "the world in pairs," "proportion and balance," and "music in harmony with words" manifest the uniqueness, intellectual depth, and aesthetic values (both structural and thematic) in pantun kasih. As a result, pantun stands as a creation of the Malay community that embodies intellectual prowess and life philosophy, derived from keen observations of both the external natural world and the internal human realm. This is intertwined with layers of meaning, rhythmic uniformity, poetic sound, and aesthetic value.*

**Keywords:** Principle of Allusion and Suggestion, Principle of the Paired World, Principle of Proportion and Balance, Malay Literary Poetics, World of Poeticism.

---

Submitted: 9 July 2024

Revised: 2 February 2024

Published: 31 March 2025

---

\* Lecturer at the Department of Malay Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, 94300, Kota Samarahan, Sarawak Malaysia.



## Dunia Keputisan Pantun Kasih Melayu Sarawak: Perspektif Puitika Sastera Melayu

Sara Beden\*

*sara.beden@ipgm.edu.my*\*

### Abstrak

Pantun merupakan warisan budaya dalam masyarakat Melayu yang menjadi medium untuk mencerminkan kekayaan bahasa dan estetika Melayu. Walau bagaimanapun, ledakan teknologi dewasa ini menyebabkan peraturan penciptaan pantun seolah-olah terabai kerana aspek keindahannya kurang diberikan perhatian, sebaliknya mengutamakan maksud yang hendak disampaikan penciptanya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, mengkategorikan dan menganalisis unsur keindahan atau keputisan yang terkandung dalam pantun dengan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Hj. Salleh (2000). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus terhadap analisis teks pantun sebagai data kajian. 10 rangkap pantun kasih Melayu Sarawak dalam Buku Pantun Melayu Sarawak digunakan sebagai data analisis. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pantun kasih Melayu Sarawak memenuhi prinsip-prinsip estetika atau keputisan dalam Teori Puitika Sastera Melayu. Prinsip dunia luas dipadatkan, prinsip kiasan dan saranan, prinsip dunia berjodoh, prinsip sama ukuran danimbangan dan prinsip muzik seiring kata memantapkan keunikan, keintelektualan dan nilai estetika (struktur dan inti pati) dalam pantun kasih. Impaknya, pantun merupakan suatu ciptaan masyarakat Melayu yang menzahirkan daya keintelektualan dan falsafah kehidupan hasil daripada ketajaman pengamatan terhadap alam lahiriah atau luaran dan alam dalaman manusia yang disulami dengan kepelbagaian makna, keseragaman rima, keputisan bunyi dan nilai estetikanya.

**Kata Kunci:** Prinsip kiasan dan saranan, prinsip dunia berjodoh, prinsip sama ukuran danimbangan, Puitika Sastera Melayu, dunia keputisan.

*Dihantar: 9 Julai 2024*

*Disemak: 2 Februari 2024*

*Diterbit: 31 Mac 2025*

\* Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, 94300, Kota Samarahan, Sarawak Malaysia.



## 1.0 Pengenalan

Pantun merupakan puisi Melayu tradisional yang masih popular dan signifikan fungsinya pada dewasa ini dalam pelbagai ranah kehidupan. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1965) pantun merupakan karangan berangkap (puisi) kepunyaan masyarakat Melayu lama dan digunakan di kampung-kampung untuk menggambarkan fikiran hiba, sayu dan warna perasaan yang indah-indah seperti hal ehwal berkasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara pasangan kekasih. Sementara Rene Daillie (2002) menyimpulkan bahawa pantun Melayu itu suatu intisari kehidupan dan alam yang diibaratkan sebagai butiran pasir. Beliau menyifatkan bahawa dalam pantun tersirat segala elemen kehidupan manusia Melayu termasuklah tentang tanah, rumah, kebun, sawah padi, sungai, laut, hutan, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, binatang, burung, ikan, dan pelbagai perkara kecil yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pandangan ini menzahirkan bahawa pantun amat signifikan dan intim dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu sejak dari zaman berzaman. Mohd. Yusof Md. Nor & Abd. Rahman Kaeh (1985), menyatakan bahawa sesetengah golongan menganggap puisi-puisi lama sebagai suatu yang statis, lapuk dan ketinggalan zaman. Sebetulnya, mereka lupa bahawa puisi-puisi tradisional tersebut merupakan warisan tamadun bangsa yang memancarkan estetika, ekspresi emosi dan ketinggian daya intelektual berdasarkan pemikiran dan pengalaman golongan tua. Jika disorot, pandangan ini melantunkan makna yang sangat mendalam bahawa puisi-puisi tradisional memiliki nilai yang tersendiri dalam menelusuri tamadun bangsa sejak dari zaman berzaman, *ibarat tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas*.

Sehubungan dengan itu, pandangan sesetengah pihak yang mengatakan puisi-puisi lama sebagai suatu yang statik, lapuk dan ketinggalan zaman dapat disangkal kerana pantun merupakan khazanah warisan bangsa yang kaya dengan inti intelektual, nilai keindahan, nilai murni dalam mendidik segenap lapisan masyarakat secara halus dan berkias sejak dari zaman tradisi sehingga kini. Perkara ini turut diakui Muhammad Salleh (1999) yang mengatakan bahawa antara pelbagai bentuk puisi di Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Melayu, mungkin pantunlah yang memperlihatkan genius dan kesempurnaan seni sastera bangsa-bangsa yang telah digolongkan sebagai Melayu dengan jelas. Amat Juhari Moain (2008) pula menegaskan bahawa pantun yang baik mesti mempunyai nilai rasa yang baik sama ada dari segi makna, irama, moral, alunan kata, mahupun yang lain. Sarjana tempatan misalnya, Wan Abdul Kadir Wan Yusof (1996) menyatakan bahawa pantun lahir dan berkembang dalam masyarakat Melayu yang buta huruf dan sebagai warisan tradisi lisan, penciptaan pantun dilakukan dengan rapi sehingga dapat menghasilkan susunan kata-kata yang indah dan menarik. Nilai-nilai estetika dalam pantun dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat dengan meletakkan pantun sebagai tradisi budaya yang masih popular dan tahan diuji sepanjang zaman. Pantun Melayu ialah khazanah bangsa yang diwarisi sejak dahulu lagi yang terhasil daripada pemerhatian dan penelitian masyarakat dahulu terhadap alam sekeliling sebelum diolah menjadi bait-bait yang puitis bagi mencerminkan ketinggian daya intelektual masyarakat tradisi. Hassan Ahmad (2016) membuat penegasan bahawa dalam mencipta sesebuah karya harus diselitkan dengan kehalusan perasaan, budi pekerti dan kebijaksanaan tidak kira dalam bentuk peribahasa, prosa, puisi mahupun hikayat yang penuh dengan makna tersurat dan tersirat. Ringkasnya, melalui pantun, masyarakat Melayu mampu mengamati alam sekeliling dan menjadikannya sebagai metafora dalam penciptaan pantun.

Buku *Pantun Melayu Sarawak* oleh Latifah Mohd. Sabli (2009) yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan suatu khazanah dan sumbangan yang amat bernilai kepada masyarakat di Bumi Sarawak. Pantun dalam buku ini merupakan luahan naluri penulis dengan bahasa yang indah berlatarkan seni budaya Melayu Sarawak. Khalayak pembaca berpeluang mengetahui sejarah, pemikiran budaya dan sosioekonomi masyarakat Melayu Sarawak semasa



pemerintahan Booke, penjajahan Inggeris sehinggalah Malaysia merdeka. Khazanah peninggalan turun-temurun telah dapat didokumentasi sebagai sumber bacaan dan rujukan kepada generasi kini dan akan datang. Pantun bukan sahaja memprojeksikan aktiviti dan corak kehidupan masyarakat dalam kehidupan seharian malah menyampaikan mesej, bersifat didaktik dan berfungsi sebagai sumber hiburan sejak zaman tradisi. Walau bagaimanapun, perkara yang penting ialah nilai estetika yang dimiliki pantun yang menggabungkan kepelbagaian unsur bahasa, seterusnya menterjemahkan dunia rasa, emosi, fikiran, perasaan dan sikap manusia. Dalam buku ini terdapat pelbagai jenis pantun antaranya termasuklah pantun kasih, pantun agama, pantun nasib, pantun kiasan dan pantun kanak-kanak. Semua jenis pantun ini mengajak pembaca menghayati mesej yang berseni dan bersopan serta memukau perasaan selain mengidentifikasikan jati diri masyarakat Melayu di Sarawak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur keputisan dalam pantun kasih Sarawak dengan mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu.

## 2.0 Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam kajian ini mengambil kira kajian menggunakan korpus pantun dengan menggunakan pelbagai teori dan bidang pengkajian. Penelitian awal dapat ditelusuri berdasarkan kupasan oleh Harun Mat Piah (1989) dan juga oleh Francois-Rene Dailie (1988) yang meneliti pantun dari aspek dalaman dan juga luarannya. Penelitian lain adalah seperti yang dilakukan oleh Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan (1996) yang melihat pantun dari aspek akal budi Melayu. Seterusnya, Zahir Ahmad (2005) telah membuat penelitian tentang *Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu*. Berdasarkan kajian ini, pantun mencerminkan pengalaman dan keperibadian si pemantun dalam kehidupan sehari-hari. Pengalaman dan pemerhatian ini diekspresikan dalam baris-baris pantun yang ringkas tetapi tidak mengehadkan pesanan yang ingin disampaikan oleh penciptanya. Penggunaan nama tempat, nama tokoh, aktiviti kesenian dan unsur kebudayaan yang dideskripsi dalam pantun dapat digunakan untuk mengkaji budaya sesuatu masyarakat di sesebuah lokasi.

Siti Hajar Che Man (2013) pula telah melaksanakan kajian yang bertajuk *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya* untuk meninjau keamatan pantun yang sebenarnya berintipatikan adat dan adab segala rencah budaya leluhur yang halus, tinggi dan murni. Proses penciptaan pantun dan keterlibatan dalam pengalaman kreatif ini dapat membudayakan manusia, meningkatkan sifat kemanusiaan dan kemasyarakatan, serta mengasah kepekaan terhadap alam sekitar, budaya, dan sejarah. Kajian ini mendapati bahawa pantun membicarakan manusia dan kehidupannya. Sebagaimana bentuk sastera tradisional lain, pantun membawa "suara" kolektif masyarakatnya. Sebagai seni sosial, pantun berfungsi dalam usaha mendidik dan membudayakan anggota masyarakat. Pantun diibaratkan sebagai ensiklopedia atau "buku" adab dan tradisi yang tiada tandingannya. Impaknya, perincian dalam pantun mencerminkan kerencaman dan keluhuran bangsa dari dahulu, kini, dan selamanya.

Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2016) pula melihat ayat majmuk gabungan bahasa Melayu menerusi pantun Melayu yang berlandaskan teori Transformasi Generatif Standard. Analisis menunjukkan pantun merupakan data korpus terbaik untuk menganalisis ayat-ayat dalam bahasa Melayu kerana banyak perkataan yang digugurkan. Pengguguran perkataan ini terjadi kerana jumlah perkataan dalam pantun dan bentuk rima akhirnya terkawal atau terbatas. Transformasi ini jelas menunjukkan kecerdikan masyarakat dalam menyampaikan buah fikiran secara ringkas tetapi padat. Walaupun kajian ini berfokus pada aspek linguistik, namun tetap



memberikan impak kepada keintelektualan pencipta pantun dan peranan pantun dalam masyarakat.

Norazimah Zakaria et al. (2017) telah membuat kajian yang bertajuk *Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun* dengan menggunakan pendekatan Bragisnky V.I (1994) mengenai sfera estetika dan faedah dalam melihat makna dan manfaat pantun kepada masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa akal budi Melayu dalam pantun terpancar melalui pemilihan perkataan yang khusus, yang mencerminkan pemikiran di sebalik keindahannya dan menjadi cermin jati diri bangsa Melayu. Nilai dalam pantun Melayu pula dikongsi bersama oleh sesebuah masyarakat. Relevan dengan dunia pantun Melayu yang berada di bawah lingkungan dunia kolektif, pantun adalah milik bersama bagi sesebuah masyarakat.

Eizah Mat Hussain et al, (2017) telah membuat kajian yang bertajuk *Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata* dengan menggunakan salah satu prinsip estetika sastera Melayu oleh Muhammad Salleh, iaitu 'dunia luas yang dipadatkan' untuk membincangkan simbol alam tumbuhan dalam pantun. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu mengungkapkan simbol alam tumbuhan yang terpilih dalam pantun yang dikaitkan sinonimnya dengan perlakuan dalam kehidupan manusia. Selain itu, masyarakat Melayu juga menyampaikan sesuatu nasihat dan pengajaran kepada khalayak melalui pantun yang diambil daripada simbol dunia tumbuhan yang luas dipadatkan maksudnya dalam pantun. Simbol alam tumbuhan ini berkaitan secara tidak langsung dengan kehidupan masyarakat Melayu yang terlibat dalam pertanian, kerana simbol tumbuhan yang dipilih memiliki kesamaan dengan sifat atau tingkah laku manusia yang disampaikan secara kiasan dalam pantun.

Noor Hasnoor Mohamad Nor & Eizah Mat Hussain (2020) telah meneliti *Konsep Ruang Dalam Bahasa dan Pemikiran Menerusi Pantun Melayu* dengan menggunakan Teori Medan Makna yang memperlihatkan bahawa kosa kata sesuatu bahasa itu tidak wujud secara bersendirian tetapi tersusun sebagai sesuatu yang berkaitan dengan ruang fizikal, ruang psikologi dan ruang budaya. Kajian mendapati bahawa terdapat makna anatomi yang berhubung kait dengan ruang fizikal, yang terbahagi kepada kolokasi antara anatomi + benda bernyawa dan anatomi + benda tidak bernyawa. Ruang budaya merujuk kepada cara hidup harian masyarakat di suatu tempat, termasuk makna yang berkaitan dengan si pemakai, organisasi, masyarakat, dan kekeluargaan. Ruang psikologi pula merangkumi ruang emosi, ruang bahaya, ruang kekuasaan dan ruang milik dalam diri setiap individu.

Azim Normiza Ahmad dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) menyentuh nilai patriotisme yang dapat ditelusuri menerusi teks *Pantun Pak Nazel*. Kajian ini mendapati bahawa genre puisi tradisional mampu memberikan sumbangan dalam dunia pendidikan, dengan menerapkan nilai-nilai murni yang sesuai dengan perubahan masa dan tuntutan zaman. Elemen perpaduan dan patriotisme merupakan salah satu elemen yang dibahas dalam isu nasionalisme. Penerapan elemen nasionalisme dalam pantun menunjukkan bahawa genre pantun mengandungi inti pati tentang nasionalisme sehingga dapat dalam korpus persuratan Melayu.

Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin (2022) pula meneliti *Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Kajian ini memfokuskan objek 'galah' dan 'kemudi' yang terdapat pada pengangkutan air Melayu. Sejumlah 23 pantun yang mengandungi objek 'galah' manakala sebanyak 29 bilangan pantun yang berkaitan dengan objek 'kemudi' telah ditemukan dalam kajian. Kajian ini mendapati bahawa objek-objek yang berkaitan dengan maritim memprojeksikan makna yang tersembunyi mengenai konsep kehidupan. Analisis membuktikan bahawa 'galah' dan 'kemudi' merujuk kepada haluan hidup yang penuh dengan kasih sayang sejak permulaan. Penemuan ini memberikan sudut pandang baharu dalam



pentafsiran makna pantun Melayu serta membuka ruang yang lebih luas dalam kajian linguistik yang bersifat multidisiplin.

Nur Amelia Farhana Zuraimi (2022) telah membuat kajian yang bertajuk *Estetika dan Kebijaksanaan dalam Pantun Melayu: Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu*. Hasil dapatan kajian ini mendapati pemilihan diksi dan pembayang dalam pantun yang tepat menunjukkan keindahan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mengungkapkan perasaan mereka dalam empat baris pantun. Kajian ini juga mendapati bahawa nilai estetika bukan sahaja terletak pada bunyi rima dalam pantun namun merangkumi pemilihan diksi, tema, nilai moral dan pengajaran. Sementara, dunia luar dan dunia dalaman pantun didapati berkaitan dengan objek alam yang memberikan makna kepada fikiran dan perasaan manusia.

Terkini, kajian berkaitan puisi pantun ini dapat diteliti menerusi Awang Sufi Udin & Zubir Idris (2023) dengan kajian yang bertajuk *Pantun Nasionalisme: Satu Evolusi Kearifan Lokal* dengan mengaplikasikan takrifan nasionalisme Hans Kohn (1965) sebagai kerangka landasan kajian ini. Dapatan membuktikan bahawa tema nasionalisme dalam pantun Melayu menunjukkan perubahan atau revolusi dalam genre pantun yang fleksibel dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pemikiran dan zaman, tanpa mengubah struktur dan fungsinya sebagai alat didaktik yang berkesan. Elemen seperti patriotisme, nilai agama, dan kelestarian budaya mampu mengangkat kepelbagaian dan keunikan etnik di negara ini. Impaknya, kajian ini memberikan peluang dan ruang kepada setiap warga Malaysia untuk mempelajari kearifan lokal dalam tradisi lisan dengan mengambil manfaat dan menyedari kepentingan penerapan nilai nasionalisme dalam membentuk jati diri individu.

Rangkumannya, berdasarkan sorotan literatur didapati kajian menggunakan korpus pantun amat meluas dan merangkumi bidang sastera dan linguistik. Perkara ini menzahirkan bahawa puisi pantun semakin mendapat perhatian daripada para pengkaji. Kajian ini membuat penelitian tentang keputihan atau estetika yang terdapat dalam pantun dengan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu agar berupaya memperkaya khazanah ilmu dalam ujana kesusasteraan tanah air.

### 3.0 Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus kepada analisis teks, iaitu pantun. Pantun Melayu Sarawak oleh Latifah Mohd. Sabli (2009) menjadi data yang dianalisis menggunakan prinsip-prinsip dalam Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Salleh pada tahun 2000. Kajian ini menggunakan analisis teks pantun yang telah didokumentasi. Teks penting kerana teks merupakan unit semantik yang diwujudkan melalui penggunaan kata berdasarkan konteks. Pengkaji tidak perlu turun ke lapangan bagi mengumpul pantun, kerana pantun yang didokumentasikan dalam buku *Pantun Melayu Sarawak* merupakan luahan naluri penulisnya dan hasil kompilasi daripada pemantun (Mak Gendang) dalam acara bergendang yang telah diusahakan oleh penulis dan boleh dipertanggungjawabkan sebagai data asli. Kajian ini membataskan penggunaan 10 rangkap pantun kasih yang dipilih secara rawak dalam buku ini kerana 10 rangkap ini memadai untuk dianalisis dengan lebih mendalam dan rinci. 10 rangkap pantun ini akan disesuaikan analisisnya berdasarkan lima prinsip dalam Teori Puitika Sastera Melayu yang diaplikasikan sebagai landasan pengkajian. 10 rangkap pantun ini dilabelkan sebagai PK1 sehingga PK10. Misalnya PK1, P merujuk kepada pantun, K merujuk kepada kasih dan angka 1 merujuk kepada bilangan data/pantun yang digunakan dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan teori Puitika Sastera Melayu yang dipelopori oleh Muhammad Salleh (1989). Muhammad menghasilkan *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan* (1989), bermula



dengan syarahan pengukuhan beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia. Inspirasi mengemukakan teori ini bertitik-tolak daripada tradisi persembahan Mak Yong dan bangsawan, selampit dan wayang kulit dengan hasrat untuk menyelami dan mendalami konsep keindahan hikayat dan pantun Melayu yang tentu berbeza daripada pandangan keduniaan sastera Barat. Dalam konteks pantun sebagai puisi Melayu lama yang popular, Muhammad Salleh mencipta falsafah *Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu* yang meneroka peringkat maha indah para pujangga Melayu melalui beberapa prinsip (Muhammad, 2000). Bersandarkan *Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu*, dunia nestapa keindahan yang lebih dalam dan intensif, mendorong renungan yang mensyahdukan pembaca dan menyedarkan pembaca tentang kekerdilan diri sebagai hamba Allah yang kadang-kadang tidak kesampaian hasrat (Muhammad, 2000) diberikan penekanan. Dalam konteks ini, kiasanlah unsur utama yang menyerlahkan keputitisan dan nilai estetika pantun. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa estetika atau keindahan pemikiran Melayu yang utama dapat ditelusuri dalam pantun.

Teori Puitika Sastera Melayu berlandaskan enam prinsip. *Pertama*, dunia luas dipadatkan yang merujuk hasil seni yang memungkinkan pengalaman dunia yang besar, yang mengambil jangka waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang perlahan atau berlarutan yang akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra, baris dan perkataan. Unsur yang dipadatkan menurut Muhammad Salleh (2006) adalah hasil seni yang merangkumi pengalaman dunia yang besar yang mengambil jangka masa yang panjang, pergerakan yang perlahan atau berlarutan, yang akhirnya disimpulkan dalam beberapa citra, baris dan perkataan. Dalam sesebuah pantun, diksi disaring daripada beberapa sumber sebelum diolah dalam baris-baris pantun. Eizah Mat Hussain et al, (2017) menyatakan bahawa penyaringan sumber merujuk kepada perkataan-perkataan yang digunakan dalam penciptaan pantun dipilih dengan tepat sesuai dengan maksud pantun yang hendak disampaikan. Citra atau kata itu sudah pun menjadi semacam penemuan terakhir atau kesimpulan kepada pengalaman yang sedang dibicarakan itu, biasanya terhasil daripada renungan yang panjang.

*Kedua*, prinsip kiasan dan saranan, iaitu merujuk strategi pemaknaan yang secara canggih melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar serta mata hati khalayaknya. Walaupun terdapat banyak juga baris-baris yang agak langsung, namun yang unggul ialah kesan dan makna yang sampai kepadanya secara halus dan hampir tidak terasa. *Ketiga*, prinsip dunia berjodoh yang merujuk kepada prinsip harmoni sebagai landasan dengan ketetapan bahawa dunia terbahagi kepada dua; pertamanya dunia alam raya dan kedua, dunia manusia. Walau bagaimanapun, alam dan manusia hanyalah dua belahan kepada satu kewujudan yang sama kerana kedua-duanya ciptaan Allah. Kedua-dua dunia saling melengkapi antara satu sama lain dan berkait erat. *Keempat*, prinsip sama ukuran dan imbalan yang merujuk kepada situasi yang harmoni dan berimbang. Nilai harmoni dan berimbang menjadi landas penting untuk sebuah pantun yang baik. Sama ukuran dan imbalan ditelusuri menerusi struktur dan bentuk asli yang dimiliki pantun yang baik. *Kelima*, prinsip muzik seiring kata yang merujuk kepada muzik bahasa. Prinsip ini diteliti menerusi irama yang saling menaik dan menurun, rima bersilang, jalinan dan mainan bunyi vokal dan konsonan yang kompleks, bunyian bergema, saling bersahut-sahutan serta berulang-ulangan dalam seluruh bait. *Keenam*, prinsip sesuai dan patut yang merujuk kepada nilai keindahan yang sering ditemukan dalam mukadimah karya Melayu yang sering menyebut "patut". Istilah ini yang bermaksud sesuai dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal. Patut bermaksud terpilih mengikut kesesuaian. Dalam fahaman Melayu, patut juga boleh sederhana, tidak melebihi sempadan, sesuai untuk sesuatu konteks dan bertepatan dengan nilai kesederhanaan.

Ringkasnya, makalah ini menggunakan lima prinsip dalam Teori Puitika Sastera Melayu, iaitu prinsip dunia luas dipadatkan, kiasan dan saranan, dunia berjodoh, sama ukuran dan imbalan dan prinsip muzik seiring kata sebagai landasan kajian.



## 4.0 Dapatan Kajian

Pantun kasih Melayu Sarawak (10 rangkap) yang menjadi data dalam kajian ini memenuhi prinsip-prinsip estetika atau keputisan dalam Teori Puitika Sastera Melayu. Prinsip dunia luas dipadatkan, prinsip kiasan dan saranan, prinsip dunia berjodoh, prinsip sama ukuran dan imbang dan prinsip muzik seiring kata memanifestasikan keunikan, keintelektualan dan nilai estetika (struktur dan inti pati) dalam pantun kasih Melayu Sarawak. Keputisan pantun kasih berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu memperlihatkan kekuatan teori ini dalam menzahirkan nilai estetika, nilai murni, norma, sistem nilai, bahasa dan budaya hidup masyarakat Melayu Sarawak.

### 4.1 Prinsip dunia luas dipadatkan

Pantun merupakan puisi yang bersifat ringkas dan padat, maka tiada sifat pemerian yang panjang lebar. Baris-baris pantun yang dipadatkan mengekspresikan coretan kisah hidup manusia, wawasan, bayangan perasaan, peristiwa yang dipadatkan dan kesan rasa mahupun jiwa. Justeru, penggunaan sumber alam yang luas telah dimampatkan, suka duka hidup dan kisah yang panjang dipadatkan supaya dapat diolah dengan rapi dalam ruang yang kecil dengan diksi yang tepat. Siti Hajar Che Man (2013) menyebutkan binaan ini sebagai *minimal art*, yakni mengungkapkan dunia yang kompleks lagi sulit dalam ruang wacana yang kecil dipadankan pula dengan jumlah perkataan yang minimum yang mencerminkan keunggulan pencipta pantun. Justeru, ternyata pencipta pantun dapat diibaratkan seorang pengukir yang hebat kerana berjaya menuangkan pengalaman dan aneka anekdot dengan kepakaran dan bakat yang dianugerahkan Allah. Menurut Muhammad (2000), pantun mengandungi dunia luas yang dipadatkan dalam empat baris sahaja. Perkara ini bermaksud segala falsafah alam, pemikiran manusia, unsur alam dan khazanah dunia yang terbentang luas dimuatkan oleh pengarang dalam empat baris dengan padu. Sifat fizikal alam dihubungkan dengan alam fikiran dan alam perasaan manusia menerusi pemilihan diksi, susunan irama dan gambaran keindahan. Misalnya, dalam rangkap pantun kasih Melayu Sarawak berikut:

*PK1:*

*Padi di sawah belum dibebat,*

*Pokok jati tidakkan tumbuh;*

*Hati luka minta diubat,*

*Merajuk hati tidakkan sembuh.*

(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.52)

*PK2:*

*Bukan cempedak bukan kundur,*

*Jatuh terendam di dalam kolam;*

*Tidak berganjak tidak berundur,*

*Sebelum padam rindu semalam.*

(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.57)





Berdasarkan rangkap PK1 di atas, dunia yang luas diwakili oleh baris *Padi di sawah belum dibebat* dan *Pokok jati tidakkan tumbuh*. Padi dan jati merupakan dunia luas yang mewakili unsur alam semulajadi ciptaan Tuhan. Padi sejenis tanaman untuk makanan manakala jati sejenis pokok yang menjadi sumber alam yang berharga dan menjadi penghuni alam ciptaan Tuhan. Padi dan pokok jati yang memainkan fungsi yang berbeza, fizikal yang berbeza dan tanah untuk pertumbuhan kedua-duanya juga berbeza, namun dipadatkan sebagai pembayang maksud (baris 1 dan 2) dalam PK1. Pokok Jati (*Tectona grandis*) adalah sejenis pokok yang sangat bernilai untuk pembuatan rumah, perabot, serta produk lain yang memerlukan kayu keras. Tergolong dalam keluarga *Lamiaceae*, pokok ini mampu menghasilkan kayu dengan mutu yang tinggi. Dengan batang yang lurus, pokok jati dapat tumbuh hingga mencapai ketinggian antara 30 hingga 40 meter. Sementara padi (*Oryza sativa*), ialah sejenis tanaman berbatang tegak yang mencapai ketinggian antara 80 hingga 120 sentimeter dan sejenis tanaman bijirin yang memiliki biji-biji benih yang dituai untuk menghasilkan beras yang menjadi makanan utama. Penggunaan kedua-dua unsur alam ini, memmanifestasikan keluasan sumber alam yang diciptakan Tuhan untuk kegunaan manusia dengan fizikal dan fungsi yang berbeza. Berdasarkan contoh ini juga, didapati *padi di sawah* dikaitkan dengan hati yang luka dan *belum dibebat* dikaitkan dengan *minta diubat*. Dunia luas diwakili alam pesawah padi dipadatkan untuk memberdayakannya mencitrakan alam perasaan manusia yang terluka atau mengalami kekecewaan sebagaimana dalam baris ketiga, *hati yang luka minta diubat*. Berdasarkan PK1 di atas, dunia yang luas, iaitu alam semulajadi dipadatkan dengan alam perasaan manusia bagi menghasilkan satu rangkap pantun yang menerbitkan makna yang mendalam. Begitu juga dengan baris kedua pembayang, iaitu *Pokok jati tidakkan tumbuh* dikaitkan citranya dengan *Merajuk hati tidakkan sembuh* dalam baris keempat. Jika disorot, dunia luas yang dipadatkan merupakan citra daripada ketajaman pengamatan manusia terhadap tumbuhan-tumbuhan dan pokok, iaitu unsur alam yang dihubungkan dengan kehidupan manusia sebagai penghuni alam sehingga rangkap pantun ini cukup sifat estetika dan semantikanya. Masyarakat Melayu mengambil citra dunia luas yang dipadatkan dari alam semulajadi, iaitu tumbuhan (padi) dan pokok (jati) yang kemudian dipadatkan untuk memberikan sesuatu makna tersurat dan tersirat yang hendak disampaikan pengarangnya. Pengungkapan citra dunia luas yang dipadatkan adalah berdasarkan pengalaman bekerja, bertani dan pengamatan masyarakat Melayu terhadap alam sehingga wujudlah hubungan yang erat dan saling bergantung antara masyarakat Melayu dengan alam. Berdasarkan PK1 di atas, dua baris pembayang yang mewakili dunia yang luas dan dua baris terakhir maksud yang mewakili dunia alam perasaan manusia dipadatkan dalam satu rangkap yang menandai makna perasaan manusia yang terluka dan memerlukan penawarnya manakala hati yang merajuk sukar untuk dipujuk. Dua dunia yang dipadatkan dalam satu rangkap, jelas mengkomunikasikan maksud kekecewaan dan kelukaan seseorang di alam percintaan dan perkasihannya.

Seterusnya, PK2 pula memadatkan unsur alam, iaitu tumbuhan (pokok buah-buahan), iaitu cempedak dan kundur dalam baris "Bukan cempedak bukan kundur" dengan alam ruang, iaitu kolam sebagai pembayang maksud dalam baris ke-2, "Jatuh terendam di dalam kolam". Cempedak dan kundur merupakan sejenis pokok yang memiliki fizikal yang hampir sama dan fungsi yang sama sebagai makanan. Dunia alam tumbuh-tumbuhan ini dimampatkan dengan maksud pantun dalam baris ketiga dan keempat. "Bukan cempedak bukan kundur" dipadatkan dan dipadatkan dengan "Tidak berganjak tidak berundur" yang mengkomunikasikan pendirian mahupun sikap manusia yang cekal, gigih dan tabah dalam perkasihannya. Baris "Jatuh terendam di dalam kolam" pula dipadatkan dan dipadatkan maknanya dengan baris "Sebelum padam rindu semalam" yang memaknakan perasaan atau emosi rindu insan yang berada di alam perkasihannya. Dalam PK2, alam tumbuhan-tumbuhan dipadatkan dengan sikap dan perasaan atau emosi manusia yang tabah dan cekal menanggung rindu dalam empat baris sahaja.



Berdasarkan prinsip dunia luas dipadatkan, dua alam yang berbeza, iaitu alam tumbuh-tumbuhan dan alam jiwa manusia didekatkan, dipadatkan dan disatukan dalam satu rangkap pantun sebagaimana dalam PK1 dan PK2. Ezah Mat Hussain (2016), menjelaskan bahawa dunia yang dipadatkan itu ialah hasil seni yang memungkinkan pengalaman dunia yang besar, yang mengambil jangka waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang perlahan atau berlarutan, yang akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra bait, baris dan perkataan.

#### 4.2 Prinsip kiasan dan saranan

Prinsip kedua, iaitu kiasan dan saranan merujuk kepada satu nilai keindahan pantun yang membawa kesan dan makna yang disampaikan dengan cara tidak langsung atau terus terang serta seiring pula maknanya disembunyikan dalam saranan atau layangan maksud (Muhammad Salleh, 1999, p. 219). Pantun digunakan untuk menyampaikan hasrat dan impian sama ada tentang perasaan kasih sayang, kesedihan, kekecewaan, kegembiraan, kebahagiaan, kritikan, sindiran dan didikan secara halus sebagaimana yang dimanifestasikan secara samar-samar dalam pantun. Pantun kasih sayang dicipta dalam masyarakat Melayu Sarawak untuk mencitrakan perasaan kasih sayang antara teruna dengan dara yang berada di alam percintaan. Dalam masyarakat Melayu dahulu, perasaan ini bermula daripada pertemuan yang kebiasaannya secara tidak sengaja, akhirnya membawa mereka jatuh cinta dan berpindah kepada alam perkahwinan. Misalnya, pantun kasih Melayu Sarawak ini mewakili prinsip kiasan dan saranan:

*PK3:*  
*Direnjis-renjis sambil menari,*  
*Bersulam emas kain tirai;*  
*Majlis umpama pari-pari,*  
*Semalam kahwin esok bercerai.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.50)

PK3 ini merupakan suatu kiasan atau sindiran dan saranan kepada golongan yang bercinta namun akhirnya jodoh tidak berkekalan. Berdasarkan pantun di atas, *Majlis umpama pari-pari* suatu sindiran kepada sikap masyarakat yang suka bermegah-megah dengan kemeriahan majlis agar nampak indah, luar biasa, megah dan penuh meriah. Simbol “pari-pari” digunakan sebagai lambang keindahan dan kemeriahan majlis perkahwinan yang luar biasa mahupun besar-besaran. Pari-pari dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) merujuk kepada dewa perempuan atau roh perempuan yang elok rupawan. Sebagai tujuan untuk menerbitkan kiasan, maka simbol pari-pari digunakan untuk dianalogikan dengan majlis yang indah, meriah dan luar biasa. Walau bagaimanapun, dalam baris *Semalam kahwin esok bercerai* memaknakan segalanya musnah kerana disebabkan masalah yang timbul tanpa disedari oleh pasangan ini. Baris keempat dalam PK3, “Semalam kahwin esok bercerai” mengkomunikasikan sindiran kepada mereka yang terlalu menurut hawa nafsu dalam melangsungkan majlis perkahwinan secara meriah dan besar-besaran. Justeru, pantun ini menyindir dan memberikan saranan agar masyarakat bersederhana dalam semua aktiviti kehidupan agar tidak mendatangkan kerugian apabila berlaku perkara yang tidak diingini. Jika berlaku penceraian, maruah juga tercemar kerana boleh mengundang pandangan serong daripada masyarakat akibat jangka masa perkahwinan yang amat singkat sebagaimana dalam baris *Semalam kahwin esok bercerai*. Sindiran dalam pantun ini sewajarnya menjadi ikhtibar kepada masyarakat agar bertindak secara rasional dan sederhana dalam kehidupan kerana sikap berlebih-lebihan merupakan amalan syaitan.



Sementara rangkap PK4 juga mengemukakan sindiran dan saranan kepada anggota masyarakat dalam meningkatkan sahsiah dan perlakuan agar dipandang tinggi. Jika disoroti, pembayang dalam pantun ini, *Jika sudah menjual mengkuang, Jangan diminum air segelas* sudah ada samar-samar atau adanya unsur ambiguiti untuk menyindir dan menyarankan larangan menerusi penggunaan kata larangan, iaitu *jangan* dalam baris pembayang (baris kedua) walaupun pembayang tidak langsung memberikan makna. Bayangan yang negatif terlihat berdasarkan penggunaan baris *Jangan diminum air segelas*, sedangkan dalam baris pertama seseorang itu sudah berhasil menjual mengkuang. Tersiratnya, wujud kontradik antara dua pembayang tersebut namun bertepatan dengan motif untuk menyindir dan memberikan saranan agar berhati-hati atas faktor seseorang itu telah melakukan perbuatan yang negatif. Dua baris maksud menjelmakan sindiran dan saranan tersebut sebagaimana dalam rangkap pantun berikut:

*PK4:*

*Jika sudah menjual mengkuang,  
Jangan diminum air segelas;  
Jika lidah tidak bertulang,  
Jangan diharap kasih berbalas.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.52)

Rangkap di atas menyindir sikap masyarakat yang tidak jujur dan tidak mengotakan janji dalam berkata-kata. Simbol atau lambang “lidah” digunakan sebagai penanda anggota badan dalam mulut yang membolehkan manusia berkata-kata. *Lidah tidak bertulang* mengkomunikasikan makna bahawa seseorang itu tidak berkata benar dan tidak berpegang pada kata-kata yang telah diujarkannya. Analogi *Lidah tidak bertulang* suatu peringatan keras kepada manusia agar berhati-hati dalam berkomunikasi dengan menjaga tutur kata. Implikasinya dijelmakan dalam baris *Jangan diharap kasih berbalas* yang melantunkan impak perbuatan tersebut, iaitu kasihnya tidak akan dibalas atau diterima. Justeru, PK4 ini menyarankan agar seseorang itu sentiasa memelihara tutur kata atau bicaranya agar mendapat kepercayaan orang lain atau pihak yang disukainya. Jika seseorang itu sering tidak berhati-hati dalam berkata-kata, tidak berkata benar atau tidak jujur, maka tidak perlulah mengharap kasihnya dibalas oleh pihak yang diharapkannya.

Berdasarkan PK3 dan PK4 dalam prinsip kiasan dan saranan ini, simbol *pari-pari (Majlis umpama pari-pari)* dan *lidah (Jika lidah tidak bertulang)* digunakan bagi menyepadukan makna sindiran dan saranan agar impaknya lebih mendalam sekali gus memberikan pengajaran dan peringatan kepada masyarakat. Ringkasnya, PK 3 menyirati saranan agar masyarakat mahupun pasangan yang di alam perkahwinan tidak melakukan pembaziran dan tidak menurut hawa nafsu semata-mata manakala PK4 pula menyarankan agar masyarakat mahupun pasangan yang berkasih-kasih menjaga kesantunan atau kesopanan dalam berkomunikasi.

#### 4.3 Prinsip Dunia Berjodoh

Ketiga, prinsip dunia berjodoh merujuk kepada prinsip harmoni sebagai landasan penting untuk pembahagian dunia alam dan dunia manusia. Dua dunia ini saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam dunia manusia, alam menjadi ruang fizikal, iaitu dunia di luar diri manusia dan dunia



dalam diri manusia merujuk kepada perasaan dan fikiran (Muhammad Salleh, 2006). Kelazimannya, dua baris pertama dalam rangkap pantun empat kerat merupakan pembayang bagi pantun yang mewakili dunia alam yang berada di persekitaran manusia seperti suasana hutan, gunung, alam tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam cakerawala, alam mergastua dan sebagainya. Sementara dua baris maksud seterusnya mewakili dunia manusia yang menyirati citra pengalaman, fikiran dan perasaan manusia hasil perenungan dan pengamatan terhadap unsur alam. Walaupun, kedua-dua dunia ini berbeza namun kedua-duanya diciptakan oleh Tuhan yang satu. Berikut merupakan pantun kasih Melayu Sarawak yang bertepatan dengan prinsip dunia berjodoh:

*PK5:*

*Kenanga kasturi harum nyaman,  
Selasih berbunga di ujung padang;  
Bunga berseri layu di halaman,  
Putih mata tuan memandang.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.58)

Berdasarkan rangkap PK5 tersebut, didapati dunia alam dan dunia manusia menyebatkan makna atau maksud dalam pantun di atas. Dua baris pembayang mewakili dunia alam tumbuh-tumbuhan, iaitu bunga kenanga, kasturi dan selasih yang berada di ruang lahiriah persekitaran manusia. Dalam pantun, pembayang ibarat kulit dan saranan ibarat isi. Sesuatu saranan dihikmahkan oleh gambaran alam yang indah dalam pembayang. Hanya citra terbaiklah yang disaring daripada beribu-ribu citra lain (Muhammad, 2000 & Eizah, 2018). Alam tumbuh-tumbuhan seperti bunga-bunga menjadi objek pembayang maksud dalam pantun ini. Bunga-bunga memiliki fungsi yang penting dalam kehidupan setiap makhluk ciptaan Tuhan kerana menyumbang kepada kelestarian alam, keseimbangan ekosistem, keindahan landskap dan kesejahteraan manusia secara menyeluruh. Kehadiran bunga sering dikaitkan dengan perasaan serta aura positif dan ketenangan emosi manusia. Setelah perenungan dan penaakulan dibuat, maka terbitlah alam fikiran dan perasaan manusia dalam dua baris maksud.

Dua baris pembayang dalam PK5 ini melukiskan alam dunia yang wujud di luar diri manusia manakala dua baris maksud pula mewakili dunia berjodohnya, dunia dalam diri manusia itu sendiri. Baris ketiga *Bunga berseri layu di halaman* masih lagi menggunakan alam tumbuhan namun simbol bunga ini melambangkan seorang gadis yang sudah tercemar maruahnyanya sehingga seseorang yang ingin memilikinya hanya berputih mata kerana gagal mendapatkan gadis yang diimpikannya sebagaimana dalam baris *Putih mata tuan memandang*. Muhammad (2006) menegaskan bahawa dua baris maksud pantun lazimnya berpindah secara agak halus kepada dunia kedua, iaitu dunia manusia yang melibatkan perasaan, fikiran dan perlakuan kehidupan. Dua baris maksud ini mengkomunikasikan alam perasaan manusia yang kecewa dan terkilau kerana bunga atau gadis yang dipujanya sudah layu atau tidak berguna lagi. Berdasarkan rangkap pantun kasih ini, jelas memperlihatkan bahawa dunia berjodoh puitika sastera Melayu dimanifestasikan oleh alam tumbuhan dan alam perasaan manusia yang mentafsir dan memberikan makna isi alam hasil perenungan dan pengamatannya yang tajam. Perkara ini juga mencitrakan bahawa keharmonisan dan keindahan wujud apabila berlakunya pertembungan dan pergerakan yang saling melengkap antara dua dunia, iaitu antara alam dan manusia, antara dunia luar dan dunia dalam menerusi perantaraan fikiran dan perasaan. Rangkap pantun PK6 berikut juga mencitrakan dunia berjodoh:



PK6:

*Kapur sirih bawa ke hulu,  
Bekal singgah ke Bukit Permata;  
Tidur tak lena makan tak lalu,  
Bantal basah dek air mata.*

(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.52)

Penggunaan alam gunaan seperti kapur dan sirih dari alam tumbuh-tumbuhan dalam baris pembayang pertama menjadi simbol penting yang mewakili dunia atau alam luaran. Kapur sirih memegang peranan penting dalam masyarakat Melayu dan sering kali dianggap sebagai simbol budaya yang sarat dengan makna selain mencerminkan kekayaan nilai budaya dan spiritual yang dipegang teguh oleh komuniti pengamalnya. Baris kedua, *Bekal singgah ke Bukit Permata* mencitrakan alam tempat yang masih lagi berkisar tentang dunia luaran. Seterusnya bertembung jodoh atau berpindah secara perlahan kepada dunia manusia yang dimanifestasikan oleh perasaan gelisah, resah, gundah dan kepiluan sebagaimana yang dirasai dalam baris ketiga "Tidur tak lena makan tak lalu" dan baris keempat "Bantal basah dek air mata." "Tidur tak lena makan tak lalu" mengekspresikan emosi kerinduan, kesayuan dan kegelisahan yang dialami dan dibaurkan lagi perasaan cinta yang mendalam dan mencengkam perasaan. Dalam baris ini adalah tidak keterlaluan jika dianalogikan bahawa alam perkasihannya umpama penyerahan jiwa raga dan luahan perasaan yang gelora sehingga mencetuskan perasaan gundah-gulana dan impaknya rutin harian tidak terurus sebagaimana yang dimanifestasikan baris *Tidur tak lena makan tak lalu*. Dunia alam luaran dalam baris pertama dan kedua pembayang yang mewakili dunia alam gunaan, tumbuhan dan alam tempat dijodohkan dengan alam dalaman manusia menerusi emosi dan perasaan manusia yang mengalami kegelisahan, kerinduan dan kesedihan sebagaimana dalam baris maksud yang ketiga, iaitu *Tidur tak lena makan tak lalu*. Sementara baris maksud yang keempat pula menyajikan kekecewaan dan kesedihan dengan bertemukan air mata yang menyirati kepiluan hati sebagaimana tafsirannya dalam baris *Bantal basah dek air mata*. Penjodohan dua alam ini menjadikan maksud pantun ini lebih mendalam bagi menzahirkan perasaan resah gelisah, kerinduan dan perasaan sayang antara insan yang di alam percintaan dan perkasihannya. Pasangan yang di alam perkasihannya sering berasa dalam kebimbangan tentang kehidupan bersama, situasi pada masa depan dalam perhubungan dan keperihatinan terhadap kesejahteraan pasangan sehingga membelenggu emosi.

#### 4.4 Prinsip sama ukuran dan imbangan

Prinsip keempat bagi mencerminkan estetika pantun berdasarkan Puitika Sastra Melayu ialah sama ukuran dan imbangan. Ukuran dan imbangan diukur berdasarkan bentuk dan ciri yang dimiliki pantun bagi menggambarkan keindahan yang asli sebagai puisi Melayu tradisional. Siti Hajar (2013) menegaskan bahawa usaha mencipta pantun menuntut kepada keupayaan kreatif yang amat mencabar, ditokok kehalusan rasa yang tinggi untuk membangunkan keindahan yang sempurna baik dari segi bentuk, struktur (luaran/pembayang dan dalaman/isi). Pantun kasih Melayu Sarawak juga tidak terkecuali dalam memaparkan ciri keaslian pantun dengan memperlihatkan bentuk yang sama ukuran dan imbangan dari segi jumlah patah perkataan dan suku kata dalam setiap baris.



PK7:

*Buah pauh ikan betutu,  
Hendak dijamu kepada tetamu;  
Tuan jauh beribu batu,  
Ada suratan kita bertemu.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.59)

PK8:

*Daun pandan panjang sedepa,  
Ditanam orang di Munggu kubur;  
Siang malam saya tak lupa,  
Lupa tak lupa dalam tidur.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.57)

Berdasarkan rangkap PK7 di atas, suku kata baris pertama (Bu/ah pa/uh i/kan be/tu/tu) sama ukuran dengan suku kata baris ketiga (Tu/an ja/uh be/ri/bu ba/tu), iaitu sembilan suku kata manakala suku kata baris kedua (Hen/dak di/ja/mu ke/pa/da te/ta/mu) hampir sama dengan suku kata baris keempat (A/da su/ra/tan ki/ta ber/te/mu) yakni baris kedua sebelas suku kata manakala baris keempat 10 suku kata. Keharmonian ukuran dan imbangan wujud antara keseimbangan jumlah suku kata dalam baris-baris pantun PK7 yang mengimplikasikan keseimbangan yang harmonis. Sementara jumlah patah perkataan menunjukkan sama ukuran dalam keempat-empat baris, iaitu empat patah perkataan dalam PK7. Berdasarkan struktur, didapati penggunaan empat patah perkataan dalam setiap baris, memperlihatkan seolah-olah pantun ini berkembar sempurna antara dua baris pembayang dan dua baris maksudnya sehingga bentuk pantun tersebut kelihatan ideal dari segi ukurannya. Sementara dalam PK8 pula, jumlah suku kata juga memperlihatkan keseimbangan yang harmoni kerana baris pertama dan ketiga berjumlah sembilan suku kata manakala baris kedua dan keempat juga hampir sama, iaitu sembilan dan 10 suku kata. Jumlah patah perkataan dalam PK8 pula antara empat (baris pertama) sehingga lima patah perkataan (baris kedua, ketiga dan keempat) yang masih lagi menunjukkan keseimbangan bentuk pantun. Eizah (2016) menjelaskan bahawa penciptaan pantun yang melihat sama ukuran itu sebagai satu binaan yang mesti ada untuk menghasilkan sebuah pantun yang indah dan bernilai seni. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna pantun tiada kebebasan dari segi ukurannya namun formula adab menjadi prinsip dan ciri ideal dalam sebuah puisi tradisional.

#### 4.5 Prinsip muzik seiring kata

Siti Hajar (2013) turut menegaskan bahawa usaha mencipta pantun menuntut kepada keupayaan kreatif dari segi bunyi (rima dan rentak) dan bahasa (imej, metafora) kerana dalam pantun, keindahan tersebut terjelma melalui keharmonian bunyi, (keteraturan rentak, kesejahteraan rima dan baris), keelokan isi (makna dan moral) dan penggayaan bahasa (tamsilan, imejan). Noriah Taslim (2010, p.55) pula mengatakan bahawa pantun wujud dalam suatu ruang yang didominasi oleh bunyi (*sound dominated world*), yakni sebuah dunia yang seluruh komunikasinya perlu diujarkan, diperdengarkan. Keadaan ini memberi kesan terhadap bentuk pantun. Demikian pantun menjelmakan suatu bentuk struktur yang hampir sepenuhnya dibina oleh bunyi dan unsur bunyi tersebut pula disusun dan dipolakan untuk menjanakan satu simfoni bunyi yang tertib, harmonis dan merdu. Pantun kasih Melayu Sarawak juga memenuhi tuntutan penciptaan pantun dengan menjelmakan unsur muzik mahupun bunyi.



Menurut Muhammad (2000), jalinan vokal atau konsonan menghasilkan bunyi yang bergema dan bersahut-sahutan seperti orkestra yang canggih. Hashim (2019) menyatakan bahawa berdasarkan prinsip ini, rima tengah dan rima akhir yang sama akan membentuk keindahan bunyi dan makna. Menurut Muhammad (2006), dalam iramanya yang saling menaik menurun, berserta pula irama silang yang bermain riang, maka tidaklah hairan jikalau lagu-lagu Melayu yang asli dan baharu memilih bentuk ini sebagai tapak liriknya dan pantun dilihat terdekat kepada muzik. Pantun memiliki jaringan bunyi yang indah hasil daripada silangan dan keseragaman bunyi-bunyi vokal dan konsonan yang melantunkan irama bersahut-sahutan dan berulang-ulangan. Hasil bunyi dan dengungan indah ini yang memukau pendengar dan menjadi halwa telinga. Misalnya, dalam pantun kasih Melayu Sarawak ini, muzik seiring kata diperlihatkan dengan jelas dalam rangkap pantun berikut:

*PK9:*

*Daun upih daun mengkuang,  
Buat menjemur ikan buntal;  
Bercerai kasih bercerai sayang,  
Dalam mimpi kita sebantol.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.59)

Rangkap pantun PK9 di atas memaparkan irama muzik yang seiring menerusi pemilihan dan penggunaan diksi yang sesuai dan secocok sehingga menerbitkan bunyi rima akhir yang seiring dalam baris-baris pantun. Baris pertama rima akhirnya berakhir dengan bunyi konsonan “g” menerusi diksi “mengkuang” yang seiring atau seiring dengan rima akhir baris ketiga, iaitu bunyi konsonan yang sama “g” menerusi diksi ‘sayang’. Keseirangan ini melantunkan irama yang indah apabila pantun ini dilafaz mahupun dinyanyikan apabila rima akhir bunyi “kuang” dan “sayang” diujarkan dengan nada dan intonasi yang sesuai. Perkara yang sama berlaku dengan bunyi rima akhir baris kedua dan baris keempat. Baris kedua berakhir dengan bunyi konsonan “l” menerusi penggunaan diksi “buntal” dengan bunyi “tal” dan baris keempat juga berakhir dengan bunyi konsonan “l” menerusi diksi “bantol” dengan bunyi “tal” juga. Justeru, didapati bahawa bunyi-bunyi rima akhir dalam bait pantun ini bersilangan dan bersahutan sehingga menerbitkan irama yang indah. Diksi *mengkuang* dalam baris satu dan *sayang* dalam baris ketiga manakala *buntal* dalam baris kedua dan *bantol* dalam baris keempat sebagai bunyi akhir bagi keempat-empat baris itu bersilang dan bunyinya bergema apabila dilantunkan dengan nada suara dan intonasi turun naik sehingga nilai estetika dan kemanisannya dirasai. PK9 ini juga memperlihatkan rima tengah yang bersilang, iaitu dalam baris pertama “Daun **upih** daun mengkuang” menerusi diksi “upih” dan baris ketiga “Bercerai **kasih** bercerai sayang” menerusi diksi “kasih”. “**Upih**” dan “**kasih**” melantunkan bunyi yang bersilang sebagai rima tengah yang berakhir dengan bunyi vokal + konsonan “i” dan “h” yang menyirati prinsip muzik seiring kata. Rima tengah ini tidak berlaku dalam baris kedua dan keempat. Sehubungan dengan itu, rangkap pantun PK 10 ini juga mencitrakan keindahannya menerusi muzik seiring kata menerusi bunyi rima akhir yang seragam:

*PK10:*

*Sayang Sarawak hutan meranti,  
Tanah paya ditanam padi;  
Hendak kutinggal tak sampai hati,  
Hendak kubawa ayah tak sudi.*  
(Latifah Mohd. Sabli, 2009, p.53)



Rangkap pantun di atas juga memaparkan irama muzik yang seiring dengan kata menerusi pemilihan dan penggunaan diksi yang sesuai dan sepadan sehingga menerbitkan bunyi rima yang seiring dan seragam dalam baris-baris pantun. Baris pertama rima akhirnya berakhir dengan bunyi vokal “i” menerusi diksi “meranti” yang seiring dengan rima akhir baris ketiga, iaitu bunyi vokal yang sama “i” menerusi diksi ‘hati’. Keseiringan ini melantunkan irama yang indah apabila pantun ini dibaca dengan melodi yang sesuai mahupun dinyanyikan. Bunyi rima akhir baris kedua dan baris keempat juga memperlihatkan irama muzik yang seiring. Baris kedua berakhir dengan bunyi vokal “i” menerusi penggunaan diksi “padi” dan baris keempat juga berakhir dengan bunyi vokal “i” menerusi diksi “sudi”. Justeru, didapati bahawa bunyi-bunyi rima akhir dalam keempat-empat baris pantun ini bukan sahaja seiring malahan seragam atas faktor bunyi akhir yang sinonim dan berakhir dengan bunyi vokal “i” sehingga menonjolkan nada melankolik. Keseragaman bunyi vokal ini menerbitkan keseragaman melodi dan irama yang puitis dan romantik. Diksi meranti-baris satu/padi-baris kedua/hati-baris ketiga/sudi-baris keempat dalam rima bunyi akhir bagi keempat-empat baris itu seiring dan seragam bunyinya sehingga menimbulkan irama yang serasi dan harmoni apabila dilantunkan dengan nada dan intonasi yang sesuai. Pengulangan bunyi vokal “i” dalam setiap bunyi rima akhir mengimpikasi emosi kepiluan dan kesedihan seseorang yang berada dalam situasi serba salah akibat tersepit dengan dua kehendak antara kemahuan hati dan pertentangan di pihak lain untuk menerima pilihan hatinya sebagaimana paparannya dalam baris ketiga dan keempat, *Hendak kutinggal tak sampai hati* dan *Hendak kubawa ayah tak sudi*. Bunyi rima akhir yang seragam dalam rangkap ini bertepatan dengan maksud yang hendak disampaikan, bukan sewenang-wenangnya. Pemilihan diksi yang sesuai dan puitis menjadikan irama muzik kata dalam rangkap pantun ini romantik. Kedua-dua baris ini jelas mencitrakan kepedihan dan kesedihan seseorang yang sukar untuk mencapai impiannya dalam percintaan kerana halangan keluarga yang kemungkinan menuntut individu tersebut membuat pilihan.

Keseragaman bunyi bagi rima tengah pula diperlihatkan menerusi baris kedua “Tanah **paya** ditanam padi” berdasarkan diksi “paya” dan baris keempat “Hendak **kubawa** ayah tak sudi” menerusi diksi “bawa”. Kedua-dua diksi berakhir dengan bunyi konsonan + vokal, iaitu bunyi konsonan “y” dan vokal “a” dalam baris kedua dan bunyi konsonan “w” dan vokal “a” dalam baris keempat yang menerbitkan keseiringan muzik rima tengah dalam PK10. Walau bagaimanapun, pemilihan diksi dan keseiringan bunyi dalam pantun-pantun ini bukanlah sewenang-wenangnya kerana nilai rasa, intipati dan nilai seninya diambil kira dalam penciptaan pantun agar keintelektualan dan kepuitisannya terpelihara. Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin (2022) menegaskan bahawa pemilihan objek dalam sesebuah penciptaan pantun bukan sekadar penyedap rima pantun sahaja, namun sarat dengan ilmu dan falsafah yang melangkaui pelbagai disiplin ilmu. Segala pengalaman, suka duka, rencah hidup dan asam garam kehidupan dituang dan digembleng sehingga membawa makna tertentu dalam berkasih sayang serta memberikan nasihat serta pengajaran kepada masyarakat.

## 5.0 Kesimpulan

Ringkasnya, pantun kasih Sarawak memperlihatkan pematuhan terhadap prinsip-prinsip keindahan dalam teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Salleh. Lima prinsip yang diaplikasi dalam makalah ini, iaitu prinsip dunia luas dipadatkan, prinsip dunia berjodoh, prinsip kiasan dan saranan, prinsip sama ukuran dan prinsip imbalan dan muzik seiring kata. Kelima-lima prinsip tersebut diperlihatkan dengan jelas menerusi pemilihan diksi, struktur, bentuk, unsur bunyi vokal dan konsonan, unsur alam dan dunia manusia (lahiriah dan batiniah) dalam 10 rangkap pantun kasih Melayu Sarawak. Semua aspek ini mencitrakan keindahan dan kepuitisan yang dimiliki pantun kasih Sarawak. Sesungguhnya, pantun merupakan suatu ciptaan masyarakat Melayu yang memprojeksikan daya keintelektualan dan falsafah kehidupan hasil daripada ketajaman





pengamatan terhadap alam lahiriah atau luaran dan alam dalaman manusia yang disulami dengan kepelbagaian makna, keseragaman rima, keputihan bunyi dan nilai estetikanya. Pantun berupaya menjodoh dan memadatkan sifat dan unsur alam kepada perasaan, emosi, fikiran dan perbuatan manusia sehingga bersepadu dalam satu rangkap dengan penggunaan kata yang ekonomis tetapi mengkomunikasikan maksud dan mesej yang mendalam. Baris pembayang dijodohkan dengan maksud menerusi tautan simbol, rima akhir, kebebasan variasi perasaan dan kepelbagaian tabiat alam dan manusia sehingga pantun berkeupayaan menjelmakan jiwa, prinsip, semangat, budaya, sistem dan nilai yang menjadi amalan dan pegangan masyarakat Melayu secara komprehensif dan holistik.

## Rujukan

- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 4(2), 23 – 36.
- Awang Sufi Udin & Zubir Idris. (2023). Pantun Nasionalisme: Satu Evolusi Kearifan Lokal. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2, Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 45-60.
- Amat Juhari Moain. (2008). *Pemilihan kata dalam pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2021. Nilai Patriotisme dalam Pantun Pak Nazel. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(2), 37 – 49.
- Eizah Mat Hussain. (2016). Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Eizah Mat Hussain. (2018). *Simbol dan makna dalam pantun Melayu*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Eizah Mat Hussain, Nurhamizah Hashim dan Nur Yuhanis Mohd Nasiret. (2017). Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Melayu Bingkisan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 23-35.
- Francois-Rene Daillie. (1988). *Alam pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional-Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu: Pesanan terakhir pejuang bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Ismail. (2019). Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 29, 31- 49.
- Latifah Mohd. Sabli. (2009). *Pantun Melayu Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 058-074.
- Mohd. Yusof Md. Nor dan Abd. Rahman Kaeh. (1985). *Puisi Melayu tradisi*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhammad Salleh. (1989). *Puitika sastera Melayu: Satu pertimbangan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Salleh. (1999). *Menyeberang Sejarah – Kumpulan esei pilihan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Muhammad Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu (Edisi ke-2)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan teks dan budaya*. Kuala Lumpur.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria , Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* , 4(2), 89-97.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor & Eizah Mat Hussain. Konsep Ruang Dalam Bahasa Dan Pemikiran Menerusi Pantun Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 3(1), 384 – 414.
- Nur Amelia Farhana Zuraimi. (2022) *Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu : Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Daille, F.R. (2002). *Alam pantun Melayu-studies on the Malay pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman,)* 1(1), 75 – 81.
- Zahir Ahmad. (2005). Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu, *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 241-254.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

